



LAPORAN TAHUNAN
KUMPULAN WANG
INDUSTRI ELEKTRIK **2018**



LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK 2018 ini dikemukakan kepada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) selaras dengan peruntukan subseksyen 44E(2) Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu "Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen".

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Suruhanjaya Tenaga.

Diterbitkan oleh:
SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia
T : 03 8870 8500
F : 03 8888 8637
1-800-2222-78 (ST)
www.st.gov.my

ISSN : 2636-9869
No. Penerbitan : ST(P) 08/07/2019

DICETAK DI MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

05	PENGENALAN
05	Profil Suruhanjaya Tenaga
06	Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)
06	Pentadbiran dan Kawalan Ke Atas KWIE
06	Fungsi KWIE
07	JAWATANKUASA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (JKKWIE)
09	Mesyuarat JKKWIE Bagi Tahun 2018
10	Sepintas Lalu Aktiviti JKKWIE Bagi Tahun 2018
11	PENGURUSAN DANA KWIE
11	Sumber Kewangan KWIE
12	Terimaan Sumbangan KWIE
12	Pendapatan Faedah KWIE
13	Penggunaan Dana KWIE
14	Mengurus Impak Tarif Elektrik
17	Perbelanjaan Mengurus KWIE
19	PELABURAN DANA KWIE
19	Saiz Pelaburan Dan Kadar Pulangan
22	PERANCANGAN MASA HADAPAN
23	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
28	PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga
29	PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
30	PENYATA KEWANGAN KWIE

PENGENALAN

Profil Suruhanjaya Tenaga

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610], Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2002 dengan mengambil alih peranan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas. Fokus utama Suruhanjaya Tenaga adalah memastikan bekalan elektrik dan gas yang berdaya harap, kos yang munasabah dan selamat digunakan.

"Suruhanjaya Tenaga berperanan mengawal selia di dalam tiga aspek iaitu dari segi kawal selia ekonomi, kawal selia teknikal dan kawal selia keselamatan."



Kawal Selia **Ekonomi:**

Untuk menggalakkan keekonomian dalam penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan dalam retikulasi dan penggunaan gas; menggalakkan persaingan; membolehkan pengendalian pasaran yang adil dan cekap dan mencegah penyalahgunaan monopoli atau kuasa pasaran dalam industri elektrik dan gas berpaip.



Kawal Selia **Teknikal:**

Untuk memastikan keselamatan, daya harap, kecekapan dan kualiti bekalan dan perkhidmatan dalam industri bekalan elektrik dan gas berpaip.



Kawal Selia **Keselamatan:**

Untuk melindungi industri, pengguna dan orang awam dari risiko yang mungkin timbul dari penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik, serta pengagihan, pembekalan dan penggunaan gas berpaip.

Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)

Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik terkandung dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] (ABE), yang memulakan operasi secara rasmi mulai 1 Februari 2017.

Pentadbiran dan Kawalan Ke Atas KWIE

Seperti yang termaktub di bawah subseksyen 44C(1) ABE, kuasa bagi mentadbir urus dana KWIE telah diperuntukkan di bawah kawal selia Suruhanjaya Tenaga.

Fungsi KWIE

Fungsi KWIE adalah bagi menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. Bagi melicinkan pengurusan dana KWIE, Suruhanjaya Tenaga telah menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015 untuk mengendalikan dana KWIE secara berhemah dan teratur.



JAWATANKUASA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (JKKWIE)

“JKKWIE berfungsi, antara lain adalah memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE. Ia juga ditubuhkan dengan terma rujukan bagi memastikan wujud *check and balance* dalam tadbir urus KWIE selaras dengan objektif penubuhannya.”

JKKWIE dianggotai oleh sebelas anggota, terdiri daripada:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Anggota Suruhanjaya Tenaga	Pengerusi
2.	Anggota Suruhanjaya Tenaga	Ahli
3.	Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Tenaga	Ahli
4.	Ketua Pegawai Operasi, Suruhanjaya Tenaga	Ahli
5.	Wakil Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)	Ahli
6.	Wakil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)	Ahli
7.	Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	Ahli
8.	Wakil Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)	Ahli
9.	Pengarah Kanan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Industri, Suruhanjaya Tenaga	Ahli
10.	Pengarah, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, Suruhanjaya Tenaga	Ahli
11.	Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Korporat, Suruhanjaya Tenaga	Ahli

Unit KWIE, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, Suruhanjaya Tenaga berperanan sebagai urusetia bagi JKKWIE.



Fungsi dan tanggungjawab JKKWIE adalah seperti berikut:



(a) Memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE selaras dengan tujuan penubuhan KWIE;



(b) Memperakukan amaun wang yang akan digunakan untuk menguruskan impak tarif elektrik seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri;



(c) Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan akaun KWIE disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan dalam ABE, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kerajaan yang berkaitan;



(d) Meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun;



(e) Memastikan bahawa akaun KWIE berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun; dan



(f) Menentukan amaun untuk dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Mesyuarat JKKWIE Bagi Tahun 2018

Sepanjang tahun 2018, Mesyuarat JKKWIE telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali bagi membincang dan memperakukan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pengurusan dana KWIE. Mesyuarat telah diadakan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Tenaga.

Pada tahun 2018, Mesyuarat JKKWIE telah membincangkan pelbagai isu berkenaan tadbir urus KWIE, seperti berikut:

Bil. **01**
5 FEBRUARI
2018

- Draf Laporan Penyata Kewangan KWIE 2017
- Cadangan agihan penempatan dana KWIE
- Cadangan kuantum sumbangan dana KWIE ke dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE)
- Penyaluran peruntukan RM1.2 bil TNB ke KWIE
- Draf Had Kuasa proses kewangan KWIE (LOA)

Bil. **02**
15 MAC
2018

- Status dana KWIE sehingga 28 Februari 2018
- Laporan Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2017 untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN)
- Penempatan dana KWIE ke deposit Simpanan Tetap (FD)

Bil. **03**
3 APRIL
2018

- Cadangan penempatan semula dana KWIE matang pada Jun dan Julai 2018
- Cadangan pembayaran surcaj ICPT kepada TNB

Bil. **04**
22 MEI
2018

- Status dana KWIE sehingga 30 April 2018
- Cadangan pembayaran surcaj ICPT kepada NUR Distribution Sdn Bhd
- Cadangan kuantum sumbangan pemegang lesen kepada KWIE
- Penyata Kewangan KWIE 2017 selepas diaudit JAN
- Pindaan LOA dan penandatanganan KWIE

Bil. **05**
17 JULAI
2018

- Status dana KWIE sehingga 15 Julai 2018
- Cadangan penempatan dana KWIE ke FD
- Cadangan kelulusan pembayaran surcaj ICPT sebenar melebihi unjuran (April dan Mei 2018) kepada TNB
- Cadangan pelantikan pembekal bagi penerbitan Laporan Tahunan KWIE 2017

Bil. **06**
24 OKTOBER
2018

- Status dana KWIE sehingga 15 Oktober 2018
- Cadangan membangunkan Polisi Dana KWIE
- Cadangan pindaan penandatanganan/ komposisi dan had kuasa akaun bank KWIE
- Pindaan Terma Rujukan JKKWIE & tatacara perjalanan mesyuarat

Bil. **07**
13 DISEMBER
2018

- Pengeluaran awal dana FD & dipindahkan ke akaun semasa KWIE

Sepintas Lalu Aktiviti JKKWIE Bagi Tahun 2018



Mesyuarat ST semasa membincangkan isu – isu yang berkaitan pengurusan Dana KWIE



Mesyuarat ST semasa membincangkan isu – isu yang berkaitan pengurusan Dana KWIE



Mesyuarat JKKWIE



Mesyuarat JKKWIE



Mesyuarat JKKWIE

PENGURUSAN DANA KWIE

Penubuhan Dana KWIE yang ditadbir dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga merupakan mandat besar yang diberikan oleh Kerajaan agar kumpulan wang ini diurus berdasarkan amalan kewangan yang baik. Sumber kewangan bagi terimaan dan penggunaan dana bagi perbelanjaan dana KWIE, adalah di peruntukan oleh ABE, seperti berikut:

Sumber Kewangan KWIE

Sumber kewangan KWIE adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 44B(1) dan subseksyen 44c(2) ABE, seperti berikut:

Perenggan 44c(2)(a)

Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B.

Perenggan 44c(2)(b)

Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa.


Perenggan 44c(2)(c)

Semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan.

Perenggan 44c(2)(d)

Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.

Sumber kewangan KWIE bagi tahun 2018 terdiri daripada terimaan sumbangan dan pendapatan faedah.




Terimaan Sumbangan KWIE

KWIE telah menerima sumbangan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak RM1.2 bilion, seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 13 Disember 2017 sebagai sokongan kewangan untuk menampung surcaj atau rebat Pelepasan Kos Tak Berimbang (*Imbalance Cost Pass Through - ICPT*) kepada pengguna sehingga ianya habis digunakan. Sebanyak RM1,054 juta, merupakan terimaan sumbangan tahun 2018, manakala baki RM146 juta telah direkodkan sebagai terimaan sumbangan tahun 2017 yang digunakan untuk menampung surcaj ICPT bagi Julai hingga Disember 2017, selaras dengan keputusan MJM.

Selain itu, terimaan sumbangan adalah termasuk hasil penjimatan Mekanisme Pengebilan Gas (GBM) bagi tahun 2018 beserta faedah pelaburan sebanyak RM47 juta.


Perbandingan terimaan sumbangan bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:



Pendapatan Faedah KWIE

Pendapatan faedah KWIE diperoleh daripada keuntungan penempatan dana KWIE dalam FD dan *Short Term Money Market Deposit (STMMMD)* dan hibah akaun semasa KWIE. Terdapat peningkatan sebanyak 222% bagi keuntungan penempatan dana FD dan 33% bagi hibah akaun semasa yang diterima oleh KWIE pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Ini disumbang oleh saiz dana yang lebih besar dan tempoh peletakan melebihi 3 bulan bagi tahun 2018.

Perbandingan pendapatan faedah KWIE bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:



Penggunaan Dana KWIE

Perbelanjaan dana KWIE adalah mengikut seperti yang diperuntukkan di bawah subsekyen 44c(3) ABE bagi maksud berikut:

Perenggan 44c(3)(a)

Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna

Perenggan 44c(3)(b)


Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

Sebahagian besar dana KWIE pada tahun 2018 diperuntukkan untuk mengurus impak tarif elektrik terhadap pengguna selain digunakan bagi perbelanjaan mengurus dana KWIE (perbelanjaan cukai dan kos pentadbiran KWIE).



Perbezaan penggunaan dana KWIE bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:

Penggunaan Dana KWIE bagi tahun 2017 dan 2018




Mengurus Impak Tarif Elektrik

Semakan Pelarasan Tarif Elektrik Di Semenanjung Malaysia Di Bawah Kerangka Kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive-Based Regulation - IBR*)


Di bawah peruntukan subseksyen 26(1) ABE menyatakan bahawa "Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen." Berasaskan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja IBR bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik TNB pada setiap tempoh kawal selia (*Regulatory Period - RP*) tiga tahun bermula tahun 2015 hingga tahun 2017 sebagai tempoh kawal selia tiga tahun yang pertama. Pada 13 Disember 2017, Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan kerangka kerja IBR bagi tempoh kawal selia yang kedua bermula pada tahun 2018 hingga 2020.

Kadar tarif asas di Semenanjung Malaysia bagi kedua-dua tempoh RP adalah seperti berikut:




Di bawah IBR, tarif elektrik mempunyai dua komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR dan ICPT dalam bentuk rebat ataupun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap 6 bulan. ICPT adalah untuk melepaskan apa-apa kos tak berimbang (*imbalance cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjanaan yang didapati munasabah dan di luar kawalan TNB dengan kos unjuran yang digunapakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh 6 bulan sebelumnya.

Penetapan surcaj atau rebat ICPT




Secara umumnya, proses penetapan tarif elektrik kepada pengguna adalah seperti berikut:



Sejak KWIE beroperasi mulai tahun 2017 sehingga tahun 2018, sebanyak RM2,139 juta telah digunakan untuk menampung surcaj ICPT kepada pengguna domestik dan bukan domestik, Semenanjung Malaysia di bawah kendalian pihak utiliti iaitu TNB dan NUR Distribution Sdn Bhd dan Pemegang Lesen Awam Pengagihan.

Penggunaan dana KWIE bagi menampung surcaj/rebat ICPT bagi tahun 2017 berbanding 2018 adalah seperti berikut:



Perincian pelarasan tarif elektrik dan penggunaan dana KWIE bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

Tempoh Pelaksanaan		
Tempoh RP2 di bawah mekanisme IBR	Januari hingga Jun 2018	Julai hingga Disember 2018
Kadar Tarif Asas	39.45 sen/kWj	
Rebat / Surcaj ICPT	1.52 sen/kWj	1.35 sen/kWj
Kadar kuantum ICPT	37.93 sen/kWj	40.80 sen/kWj
Tampungan oleh dana KWIE	RM783 juta	RM114 juta
	Tampungan dana KWIE kepada semua pengguna kecuali pengguna domestik <300 kWj	Tampungan dana KWIE kepada pengguna domestik ≥ 300 kWj

Perbelanjaan Mengurus KWIE

Bagi tujuan mengurus, dana KWIE digunakan untuk perbelanjaan cukai dan kos pentadbiran.

Perbelanjaan Cukai KWIE

Perbelanjaan cukai KWIE dikira atas lebihan pendapatan bercukai bagi tahun semasa berdasarkan kepada pengiraan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan diuruskan oleh agen cukai yang dilantik oleh Suruhanjaya Tenaga. Sehingga kini, KWIE telah membayar dan memperuntukkan perbelanjaan cukai berjumlah RM246 juta, bagi kedua-dua tahun 2017 dan 2018.




KWIE telah memohon pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima dan buat masa ini masih dalam pertimbangan MOF.

Kos Pentadbiran KWIE

Kos pentadbiran yang dibiayai oleh KWIE merupakan kos pengendalian dana KWIE, iaitu fi audit (Jabatan Audit Negara), fi agen cukai, kos penerbitan Laporan Tahunan, elaun mesyuarat ahli JKKWIE dan caj bank.

Pecahan kos pentadbiran bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:



PELABURAN DANA KWIE

Pelaburan dana KWIE seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 44D(1) ABE:

“Wang dalam Kumpulan Wang Industri Elektrik hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki atau tidak dengan serta merta dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Suruhanjaya bagi maksud subseksyen 44c(3), dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.”

Selaras dengan subseksyen 44D(1) di atas, dana KWIE telah mendapat kelulusan untuk dilaburkan dalam kelas aset jenis deposit di bank-bank berlesen di bawah Bank Negara Malaysia dan institusi-institusi kewangan yang dibenarkan menerima deposit seperti yang disenaraikan oleh MOF. Pelaburan kelas aset jenis deposit dana KWIE ialah FD dan STMMMD.

Penempatan dan pengagihan pelaburan dana KWIE dilaksanakan selaras dengan Polisi Dana KWIE yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga pada 26 Oktober 2018.


Polisi Dana KWIE adalah seperti berikut:

- (a) Polisi Pengagihan Dana KWIE iaitu pengagihan dana di Akaun Semasa dan FD/STMMMD; dan
- (b) Polisi Penempatan Dana KWIE di FD/STMMMD.

Saiz Pelaburan Dan Kadar Pulangan

Purata jumlah pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMMD bagi tahun 2018 ialah RM784 juta yang memberi pulangan sebanyak RM33 juta atau kadar pulangan tahunan sebanyak 4.24%.


Purata pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMMD bagi tahun 2017 berbanding tahun 2018 adalah seperti berikut:



*penempatan dana KWIE di dalam FD/STMMMD pada tahun 2017 mulai September 2017 (4 bulan)

Pecahan penempatan dana KWIE di dalam FD dan STMMMD di institusi-institusi kewangan yang ditempatkan sebanyak sebelas (11) kali sepanjang tahun 2018 dengan tempoh penempatan 2 minggu hingga 4 bulan seperti berikut:

Pecahan Penempatan Dana KWIE Tahun 2018




Bilangan Penempatan Dana KWIE Tahun 2018

Bil.	Tarikh Penempatan	Jumlah (RM Juta)
1.	9 Februari 2018	48
2.	29 Mac 2018	779
3.	6 April 2018	1,019
4.	14 Mei 2018	101
5.	12 Jun 2018	57
6.	30 Julai 2018	747
7.	6 Ogos 2018	1
8.	13 September 2018	20
9.	8 Oktober 2018	39
10.	2 November 2018	57
11.	15 November 2018	140
Jumlah		3,008

Pecahan pendapatan faedah bulanan yang diperoleh daripada pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMMD bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

Pecahan Pendapatan Faedah Mengikut Bulan (RM33 juta)



PERANCANGAN MASA HADAPAN

KWIE ditubuhkan bagi menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. Sumber kewangan KWIE terkumpul mulai tahun 2017 sehingga akhir tahun 2018 berjumlah RM3,019 juta, telah digunakan untuk menampung impak tarif sebanyak RM2,139 juta dan perbelanjaan cukai sebanyak RM246 juta. Pengurangan dana semasa KWIE akan menjadi lebih ketara setelah lebihan dana KWIE berbaki RM634 juta akan digunakan untuk menampung impak tarif bagi tahun 2019 dan seterusnya.

Usaha melaksanakan kutipan sumbangan oleh pemegang lesen yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga akan dilaksanakan melalui pewartaan Perintah, selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 44B(1):

“Seseorang pemegang lesen hendaklah, jika dikehendaki oleh Menteri di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menurut syor yang dibuat oleh Suruhanjaya, menguntukkan dan membayar ke dalam Kumpulan Wang Industri Elektrik, mengikut apa-apa cara dan pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan atau perintah itu.”

Usaha bagi melaksanakan kutipan sumbangan oleh pemegang lesen yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bertujuan untuk memastikan dana KWIE lebih mampan bagi menangani impak kenaikan tarif elektrik kepada pengguna masa kini dan akan datang. Pada ketika ini, usaha melaksanakan kutipan sumbangan oleh pemegang lesen sedang dilakukan secara berperingkat dan dijangka bermula tahun 2020.



LAPORAN
KETUA AUDIT
NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG
INDUSTRI ELEKTRIK
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 16.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 (Akta A1501).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Tenaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 (Akta A1501). Anggota Suruhanjaya Tenaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Industri Elektrik.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya Tenaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 (Akta A1501), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 (Akta A1501) untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 (Akta A1501).

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Tenaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



MOHD NASRI BIN MOHD NASIR
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA
24 JUN 2019

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA

Kami, Datuk Ir. Ahmad Fauzi Bin Hasan dan Dato' Dr. Rosli Bin Mohamed yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya Tenaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Anggota,



.....
Datuk Ir. Ahmad Fauzi Bin Hasan
Pengerusi

Tarikh: 20 JUN 2019

Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

Bagi Pihak Anggota,



.....
Dato' Dr. Rosli Bin Mohamed
Ahli


Tarikh: 20 JUN 2019

Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

Saya Marlinda Binti Mohd Rosli, Pengarah Jabatan Kawal Selia Ekonomi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Industri Elektrik dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di**BANGI**.....)
pada.....**SELANGOR**.....)
20 JUN 2019)


.....

Di hadapan saya,




.....
No. 23-1, Tingkat 1, Jalan 7/7A,
Seksyen 7, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan **PESURUHJAYA SUMPAAH**

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
ASET SEMASA			
Faedah Belum Terima	5	10,332,679	402,639
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6	232,896,279	931,479,070
Pelaburan Jangka Pendek	7	551,193,000	-
Penghutang	8	22,948,261	218,374,664
Jumlah Aset		817,370,219	1,150,256,373

LIABILITI SEMASA

Pemiutang	9	117,394,585	509,961,105
Pelbagai Pemiutang	10	23,836	28,215
Peruntukan Cukai		66,860,486	179,233,425
		184,278,907	689,222,745

Dibiayai Oleh:

Dana Terkumpul		633,091,312	461,033,628
Jumlah Liabiliti Dan Dana Terkumpul		817,370,219	1,150,256,373

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 34 hingga 44 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Terimaan Sumbangan	11	1,101,119,120	1,865,713,141
Pendapatan Faedah	12	38,256,288	14,058,711
		1,139,375,408	1,879,771,852
PERBELANJAAN			
Surcaj/Rebat <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> (ICPT)	13	(900,394,585)	(1,239,476,462)
Kos Pentadbiran	14	(60,261)	(28,215)
Caj Bank		(288)	(122)
		(900,455,134)	(1,239,504,799)
LEBIHAN KENDALIAN SEBELUM CUKAI		238,920,274	640,267,053
Perbelanjaan Cukai	15	(66,862,590)	(179,233,425)
LEBIHAN KENDALIAN BERSIH SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN		172,057,684	461,033,628

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 34 hingga 44 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	461,033,628	-
Terimaan Sumbangan dan Pendapatan Lain	1,139,375,408	1,879,771,852
	1,600,409,036	1,879,771,852
Perbelanjaan dan Kos Pentadbiran	(900,455,134)	(1,239,504,799)
Cukai tahun semasa	(66,862,590)	(179,233,425)
Baki Pada 31 Disember	633,091,312	461,033,628

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 34 hingga 44 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
Penyata aliran tunai daripada kegiatan kendalian		
Lebihan kendalian sebelum cukai	238,920,274	640,267,053
Pelarasan bagi:		
Pendapat Faedah	(38,256,288)	(14,058,711)
Lebihan kendalian sebelum perubahan modal kerja	200,663,986	626,208,342
Perubahan dalam modal kerja:		
Penghutang	195,426,403	(218,374,664)
Faedah belum terima	(9,930,040)	(402,639)
Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang	(392,570,899)	509,989,320
Tunai (digunakan dalam)/diperolehi daripada kegiatan kendalian	(6,410,550)	917,420,359
Bayaran cukai	(179,235,529)	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada kegiatan kendalian	(185,646,079)	917,420,359
Aliran tunai daripada kegiatan pelaburan		
Pendapatan faedah	38,256,288	14,058,711
Pelaburan jangka pendek	(551,193,000)	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada kegiatan pelaburan	(512,936,712)	14,058,711
(Pengurangan)/ Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(698,582,791)	931,479,070
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	931,479,070	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	232,896,279	931,479,070
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Tunai dan Baki di Bank	110,681,279	187,479,070
Deposit di Bank Berlesen	122,215,000	744,000,000
	232,896,279	931,479,070

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Tenaga merupakan agensi pengawalselia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya Tenaga mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjanaan tenaga termasuk mengawalselia setiap individu yang berlesen bawah Akta Suruhanjaya Tenaga, 2001 dan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah peruntukan sub seksyen 26 (1) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan bahawa "Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen." Berasaskan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation Framework – IBR*) bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada setiap tempoh kawal selia tiga tahun bermula tahun 2015 hingga tahun 2017 sebagai tempoh kawal selia tiga tahun yang pertama. Pada 13 Disember 2017, Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan kerangka kerja IBR bagi tempoh kawal selia yang ke-2 bermula pada tahun 2018 hingga 2020.

Di bawah IBR, tarif elektrik mempunyai dua komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR dan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) dalam bentuk rebat atau pun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap 6 bulan. ICPT adalah untuk melepaskan apa-apa kos tak berimbang (*imbalance cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjanaan yang didapati munasabah dan diluar kawalan TNB dengan kos unjuran yang diguna pakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh 6 bulan sebelumnya.

2. KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditadbir urus sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga yang beroperasi di No.12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.

KWIE telah ditubuhkan melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 yang dipinda dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2016 bagi tujuan menguruskan impak tarif elektrik kepada pengguna serta apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. KWIE beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga pada 20 Jun 2019.

Penyata Kewangan KWIE dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Suruhanjaya Tenaga yang disediakan adalah mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Penyata Kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

Penyediaan Penyata Kewangan mengikut MPERS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza. Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

4. POLISI PERAKAUNAN

a) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, bank dan deposit di bank dan institusi kewangan lain yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

b) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan jangka pendek merupakan deposit di bank dan institusi kewangan lain serta mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih 3 bulan dan sehingga setahun dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

c) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kos dan ditolak dengan peruntukan hutang ragu, jika ada.

d) Pemiutang

Pemiutang dan pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

4. POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

e) Rosot Nilai

Nilai bawaan bagi aset-aset KWIE dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai perolehan semula akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilai semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai gunaan bagi aset atau aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai melebihi nilai penampungnya.

Amaun yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih besar antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran nilai tunai masa depan akan didiskaunkan kepada nilai terkini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun yang boleh diperolehi ditentukan untuk aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambilkira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang boleh diperolehi.

Kerugian rosot nilai hanya akan dikira semula ke tahap nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi nilai bawaan asal, setelah ditolak susutnilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kiraan semula tersebut akan dikenakan ke penyata pendapatan, melainkan jika kiraan semula tersebut dikenakan kepada aset yang dinilai semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

f) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebihan boleh cukai bagi tahun berkenaan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

g) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

i) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari terimaan sumbangan diiktiraf apabila hak yang diluluskan untuk menerima sumbangan disahkan dan diterima pada tahun kewangan mengikut asas akruan.

Pendapatan faedah pelaburan dana penjimatan Perjanjian Pembelian Tenaga dan Mekanisma Pengebilan Gas diiktiraf dalam penyata kewangan atas dasar terimaan tunai.

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap juga diambilkira mengikut asas akruan.

4. POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

ii) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan bagi peruntukan cukai dan kos pentadbiran diambilkira mengikut asas akruan.

h) Pendedahan Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

KWIE berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

Pengukuran Peruntukan

KWIE menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukuh sesuatu peruntukan. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

j) Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

5. FAEDAH BELUM TERIMA

	2018 RM	2017 RM
Faedah Belum Terima	10,332,679	402,639
JUMLAH	10,332,679	402,639

Pendapatan faedah belum terima adalah faedah belum matang bagi simpanan tetap yang diambil kira dari tarikh penempatan sehingga akhir tahun kewangan.

6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2018 RM	2017 RM
Tunai di Tangan dan Bank	110,681,279	187,479,070
Deposit di Bank Berlesen	122,215,000	744,000,000
JUMLAH	232,896,279	931,479,070

Tunai di tangan digunakan untuk pembayaran elaun kehadiran mesyuarat, manakala tunai di bank ialah tunai yang disimpan di dalam akaun simpanan semasa di CIMB Islamic Bank.

Deposit di bank berlesen ialah akaun simpanan tetap dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pembelian, dan akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

7. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2018 RM	2017 RM
Deposit di Bank Berlesen	551,193,000	-
JUMLAH	551,193,000	-

Pelaburan Jangka Pendek ialah akaun simpanan tetap dengan tempoh matang melebihi 3 bulan dari tarikh pembelian, dan akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

8. PENGHUTANG

	2018 RM	2017 RM
Sumbangan Penjimatan PPA dan GBM	22,948,261	72,004,664
Sumbangan bagi tampungan Surcaj ICPT oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB)	-	146,370,000
JUMLAH	22,948,261	218,374,664

Sumbangan Penjimatan Mekanisme Pengebilan Gas (*Gas Billing Mechanism* - GBM) berjumlah RM 22,948,261 yang belum diterima adalah bagi tempoh Julai – Disember 2018.

Sumbangan Penjimatan Perjanjian Pembelian Tenaga dengan Penjana Kuasa Bebas Generasi Pertama (*PPA Savings*) bagi tempoh April – Ogos 2017 dan Penjimatan Mekanisme Pengebilan Gas (*Gas Billing Mechanism* - GBM) bagi tempoh April - Disember 2017 beserta faedah pelaburan Julai - Ogos 2017 berjumlah RM72,004,664 diterima pada tahun 2018.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017 menyatakan supaya TNB memberi sokongan kewangan kepada Kerajaan bagi menyediakan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk menampung surcaj atau rebat ICPT dengan memindahkan dana berkenaan kepada KWIE. Selaras dengan keputusan tersebut, sebanyak RM146.37 juta daripada sokongan kewangan berjumlah RM1.2 bilion direkod sebagai Terimaan Sumbangan (Nota 11) pada tahun 2017 yang akan digunakan untuk menampung surcaj ICPT bagi tempoh Julai hingga Disember 2017.

Kutipan penjimatan daripada rundingan semula penjimatan PPA telah berakhir pada bulan Ogos 2017 dan kutipan penjimatan daripada GBM pula adalah berterusan sehingga tarikh tamat lesen Penjana Kuasa Bebas berasaskan loji janakuasa gas.

9. PEMIUTANG

	2018 RM	2017 RM
TNB	114,415,523	487,030,473
Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP)	4,468	-
NUR Distribution Sdn Bhd (NUR)	2,974,594	22,930,632
JUMLAH	117,394,585	509,961,105

9. PEMIUTANG (Sambungan)

Pemiutang adalah terdiri daripada pihak utiliti (TNB dan NUR) dan LAP di Semenanjung Malaysia yang belum dijelaskan bayaran tuntutan surcaj ICPT bagi tahun semasa, namun ianya telah dijelaskan sepenuhnya pada awal tahun 2019.

Pada 29 Jun 2018, Kerajaan memutuskan supaya surcaj ICPT sebanyak 1.35 sen/kWj dikecualikan kepada semua pengguna domestik bagi tempoh 1 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018 di Semenanjung Malaysia. Kos surcaj tersebut akan ditampung melalui dana KWIE. Tuntutan surcaj ICPT untuk pengguna domestik TNB dan LAP bagi tempoh pelaksanaan Julai hingga Disember 2018 adalah sebanyak RM114,419,991.

Pelarasan surcaj ICPT NUR bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 adalah sebanyak RM2,974,594 seperti kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Disember 2018 .

Bagi tahun 2017, surcaj ICPT TNB sebanyak RM340,658,057 bagi bulan November dan Disember 2017, dan sebanyak RM146,372,416 pula bagi tempoh Julai – Disember 2017. Manakala, sebanyak RM22,930,632 adalah surcaj ICPT NUR.

Penerangan surcaj/rebat ICPT dibaca bersama **Nota: 13**.

10. PELBAGAI PEMIUTANG

	2018 RM	2017 RM
Fi Audit	17,836	16,215
Fi Ejen Cukai	6,000	7,500
Elaun Kehadiran Mesyuarat	-	4,500
JUMLAH	23,836	28,215

Elaun Kehadiran Mesyuarat adalah elaun yang diberikan kepada wakil tetap atau wakil ganti atau wakil yang hadir dari ahli luar yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa KWIE mulai tahun 2017. Ahli luar merupakan wakil daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Kewangan (MOF) dan Gabungan Persatuan–persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

11. TERIMAAN SUMBANGAN

Kutipan oleh TNB daripada Penjimatan PPA & GBM (terkumpul hingga Mac 2017)

Sumbangan daripada Penjimatan PPA

Sumbangan daripada Penjimatan GBM

Faedah pelaburan dana Penjimatan PPA & GBM

Sumbangan bagi tampungan Surcaj ICPT oleh TNB

JUMLAH

	2018 RM	2017 RM
Kutipan oleh TNB daripada Penjimatan PPA & GBM (terkumpul hingga Mac 2017)	-	1,647,338,477
Sumbangan daripada Penjimatan PPA	-	41,687,148
Sumbangan daripada Penjimatan GBM	44,717,574	24,163,108
Faedah pelaburan dana Penjimatan PPA & GBM	2,771,546	6,154,408
Sumbangan bagi tampungan Surcaj ICPT oleh TNB	1,053,630,000	146,370,000
JUMLAH	1,101,119,120	1,865,713,141

Hasil penjimatan GBM pada tahun 2018 adalah bagi bulan Januari hingga Disember 2018 selepas ianya dimuktamadkan oleh Jawatankuasa GBM.

Keputusan Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017 menyatakan bahawa, "supaya TNB memberi sokongan kewangan kepada Kerajaan bagi menyediakan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk menampung surcaj atau rebat ICPT bermula 1 Januari 2018 dan seterusnya sehingga dana habis digunakan. Dana tersebut telah disalurkan ke dalam Dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)" pada suku pertama tahun 2018. Selaras dengan keputusan tersebut, sebanyak RM1,053.63 juta direkod sebagai terimaan dana oleh KWIE pada tahun 2018, manakala sebanyak RM146.37 juta direkod sebagai terimaan dana tahun 2017 kerana ianya bertujuan menampung surcaj ICPT untuk tempoh Julai hingga Disember 2017.

Sumbangan daripada penjimatan PPA, penjimatan mekanisme GBM, faedah pelaburan dana penjimatan PPA & GBM dan tampungan surcaj ICPT daripada TNB dibaca bersama **Nota: 8**.

12. PENDAPATAN FAEDAH

Akaun Simpanan Tetap

~ Faedah Matang

~ Faedah Belum Terima

Akaun Simpanan Semasa

JUMLAH

	2018 RM	2017 RM
Akaun Simpanan Tetap		
~ Faedah Matang	22,954,823	9,928,215
~ Faedah Belum Terima	10,332,678	402,639
Akaun Simpanan Semasa	4,968,787	3,727,857
JUMLAH	38,256,288	14,058,711

13. SURCAJ/REBAT *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT)

	2018 RM	2017 RM
Surcaj/Rebat ICPT		
TNB (Julai - Disember 2017)	-	1,206,372,416
(Januari – Disember 2018)	897,415,523	-
NUR	2,974,594	33,104,046
LAP	4,468	-
JUMLAH	900,394,585	1,239,476,462

Surcaj/Rebat ICPT yang dituntut oleh TNB, NUR dan LAP melalui dana KWIE berdasarkan kos sebenar dan terhad setakat amaun yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017 (tempoh pelaksanaan 1 Januari hingga 30 Jun 2018) dan YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2018 (tempoh pelaksanaan 1 Julai hingga 31 Disember 2018).

Bagi tempoh pelaksanaan 1 Januari hingga 30 Jun 2018, sebanyak RM783 juta atau 1.52 sen/kWj adalah pemberian rebat ICPT yang ditampung oleh KWIE bagi semua pengguna kecuali pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 300 kWj ke bawah sebulan. Manakala, bagi tempoh pelaksanaan 1 Julai hingga 31 Disember 2018 pula, tampungan dana KWIE sebanyak RM114.42 juta atau 1.35 sen/kWj adalah tampungan surcaj ICPT bagi pengguna domestik TNB dan LAP dengan penggunaan elektrik melebihi 300 kWj sebulan.

Surcaj/Rebat ICPT dibaca bersama **Nota: 9**.

14. KOS PENTADBIRAN

	2018 RM	2017 RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	18,000	4,500
Fi Audit	17,836	16,215
Fi Ejen Cukai	6,275	7,500
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	18,150	-
JUMLAH	60,261	28,215

14. KOS PENTADBIRAN (Sambungan)

Selaras dengan Seksyen 44c Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga (Suruhanjaya) Bil. 7 Tahun 2017 telah memutuskan supaya dana KWIE digunakan bagi membuat pembayaran cukai, kos khidmat perunding, kos khidmat juruaudit atau perkhidmatan khas di luar pentadbiran Suruhanjaya Tenaga. Manakala, kos-kos sokongan pentadbiran lain dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga. (Dibaca bersama **Nota: 10**)

15. PERBELANJAAN CUKAI

	2018 RM	2017 RM
Perbelanjaan Cukai		
- Cukai tahun semasa	66,860,486	179,233,425
- Kurangan peruntukan tahun terdahulu	2,104	-
JUMLAH	66,862,590	179,233,425
Penyesuaian kadar cukai efektif		
Lebihan pendapatan sebelum cukai	238,920,274	640,267,053
Cukai pada <u>RM1,000,000</u> pertama	237,650	238,650
Baki pada kadar cukai 28%	66,622,836	178,994,775
- Kurangan peruntukan tahun terdahulu	66,860,486 2,104	179,233,425
Perbelanjaan Cukai	66,862,590	179,233,425

Rayuan permohonan pengecualian cukai pendapatan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia melalui MESTECC pada 12 September 2018, namun keputusan mengenai pengecualian berkenaan masih dalam pertimbangan.

16. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti KWIE secara langsung atau tidak langsung. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut: -

	2018 RM	2017 RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	18,000	4,500
JUMLAH	18,000	4,500

SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.

☎ (03)8870 8500
☎ (03)8888 8637
🌐 www.st.gov.my

Talian Bebas Tol: **1 – 800 – 2222 – 78 (ST)**



Dicetak pada Ecobel White